

## **BEBERAPA ASPEK PEMIKIRAN PENDIDIKAN ALAM MELAYU: ANALISIS TERHADAP MANUSKRIP *BAB AL-ADAB* (MSS2906A)**

**Mohd Anuar Mamat**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
[anuarmamat@usim.edu.my](mailto:anuarmamat@usim.edu.my)

**Muhammad Mustaqim Mohd Zarif**

### **ABSTRAK**

Penerimaan Islam oleh masyarakat di Alam Melayu telah membawa kepada perkembangan pendidikan dan proses pendemokrasian ilmu kepada segenap lapisan masyarakat. Golongan ilmuwan dan ulama yang lahir bukan sahaja aktif berperanan dalam aspek pendidikan, sosial dan kemasyarakatan, bahkan juga dalam arena politik dan pemerintahan. Pemikiran dan idea yang dikembangkan menerusi pengkaryaan dalam pelbagai bidang ilmu telah memperkayakan tradisi keilmuan Melayu tradisional yang kebanyakannya terakam dalam bentuk manuskrip pada hari ini. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menganalisis beberapa aspek pemikiran pendidikan Alam Melayu pada awal perkembangannya melalui penelitian terhadap manuskrip. Manuskrip *Bab al-Adab* berteraskan naskhah MSS2906A dipilih sebagai fokus makalah ini untuk dianalisis dengan lebih mendalam. Beberapa aspek penting berkaitan teks akan dibincangkan antara lain melibatkan asal-usul, pengarang dan kandungannya di samping aspek pemikiran pendidikan merangkumi tujuan pendidikan, kaedah belajar dan juga adab sebagai seorang penuntut ilmu. Kesemua ini bertujuan menzahirkan peranan dan sumbangan para ulama Alam Melayu dalam menggagaskan pemikiran pendidikan dalam membentuk tradisi ilmu masyarakat Islam seterusnya dihayati secara turun temurun menerusi sistem pendidikan tradisional di institusi seperti pondok, pesantren, dayah, meunasah dan sebagainya.

Kata kunci: *Pemikiran, Pendidikan Islam, Alam Melayu, Bab al-Adab, Kajian manuskrip*

### **Pendahuluan**

Penerimaan Islam oleh masyarakat di Alam Melayu telah membawa kepada perkembangan pendidikan dan proses pendemokrasian ilmu kepada segenap lapisan masyarakat (al-Attas, 2011; Mohd Anuar, 2017). Golongan ilmuwan dan ulama yang lahir bukan sahaja aktif berperanan dalam aspek pendidikan, sosial dan kemasyarakatan, bahkan juga dalam arena politik dan pemerintahan (M. Mustaqim, 2016). Pemikiran dan idea yang dikembangkan menerusi pengkaryaan dalam pelbagai bidang ilmu telah memperkayakan tradisi keilmuan Melayu tradisional yang kebanyakannya terakam dalam bentuk manuskrip pada hari ini. Oleh yang demikian, bab ini bertujuan untuk menganalisis beberapa aspek pemikiran pendidikan Alam Melayu pada awal perkembangannya melalui penelitian terhadap manuskrip. Manuskrip *Bab al-Adab* berteraskan naskhah MSS2906A dipilih sebagai fokus penulisan ini untuk dianalisis dengan lebih mendalam. Beberapa aspek penting berkaitan teks akan dibincangkan antara lain melibatkan asal-usul, kepengarangan dan kandungannya di samping aspek pemikiran pendidikan

merangkumi tujuan pendidikan, kaedah belajar dan juga adab sebagai seorang penuntut ilmu. Analisis elemen ini bertujuan untuk menzahirkan peranan dan sumbangan para ulama Alam Melayu dalam menggagaskan pemikiran pendidikan. Idea dan konsep tersebut berjaya membentuk tradisi ilmu masyarakat Islam Alam Melayu seterusnya dihayati secara turun temurun menerusi sistem pendidikan tradisional seperti pondok, pesantren, dayah, meunasah dan sebagainya.

### Pengenalan Manuskrip *Bab al-Adab*

Sebelum analisis lebih lanjut berkaitan manuskrip *Bab al-Adab*, pada bahagian ini penulis membincangkan secara ringkas mengenai latar belakang dan aspek kodikologi manuskrip ini. Secara umumnya manuskrip ini bertajuk *Kitab al-Adab* atau *Bab al-Adab*. Ia merupakan sebuah karya berbentuk nazam mengenai adab belajar khususnya kepada para pelajar yang baru ingin memulakan pengajian. Ia terdiri daripada sejumlah bait yang dikarang dalam bahasa Arab dan disertai dengan terjemahan antara baris (*interliner translation*) dan syarahan ringkas dalam bahasa Melayu aksara Jawi. Kitab ini dikarang sekitar akhir abad ke-18M dan agak popular dalam kalangan masyarakat Melayu, terutamanya di Aceh pada suatu masa dahulu dan kerap diulang-salin.

Hal ini terbukti menerusi kewujudan sejumlah besar naskhah karya ini yang masih tersimpan dalam koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di samping koleksi-koleksi lain (Mohd Anuar, 2017; M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018). Sehingga kini, sekurang-kurangnya 25 buah naskhah karya ini dapat dikesan walaupun bilangan sebenar naskhah yang masih wujud mungkin lebih banyak. Daripada jumlah tersebut, 17 naskhah tersimpan di PNM, manakala selebihnya dalam perpustakaan awam dan koleksi peribadi di Malaysia, Indonesia dan Belanda. Perinciannya adalah seperti berikut:

Koleksi	Judul dan Nombor Manuskrip
Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Bab al-Adab</i>: MSS2378(H), MSS2906(A), MSS4291(A), MSS4315(D), MSS4331, MSS4627(B).</li> <li>• <i>Kitab Adab</i>: MSS3942(B), MSS4249(E), MSS4487(B).</li> <li>• <i>Nazam Adab</i>: MSS2908(A), MSS3328(A), MSS3941(I).</li> <li>• <i>Adab Muta'allim</i>: MSS4571(B), MSS4696(D).</li> </ul>
Muzium Kesenian Islam Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• [<i>Kitab Bab al-Adab</i>]: IAMM1998.1.876.</li> <li>• <i>Bayan al-Adab li Talib al-'Ilm ma'a al-Mu'allim wa al-Muta'allim</i>: IAMM1998.1.125.</li> </ul>
Museum Negeri Banda Aceh Indonesia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Bayan al-Adab</i>: 07_00784.</li> <li>• <i>Bab al-Adab</i>: 07_01339.</li> </ul>
Koleksi Tengku Mukhlis Pidie, Aceh Besar, Indonesia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Adab al-Muta'allim</i>: EAP 329/1/11.</li> </ul>
KITLV Leiden Belanda	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Adab</i>: Or.110(F) .</li> </ul>
The Royal Tropical Institute (KIT), Amsterdam Belanda	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Nazam Bab al-Adab</i>: KIT481/98(B).</li> <li>• <i>Bayan al-Adab</i>: KIT674/815(E).</li> </ul>

Jadual 1: Manuskrip *Bab al-Adab* dalam pelbagai Koleksi Pusat Manuskrip.

Dari segi judul karya ini, tidak semua naskhah yang dijumpai menyatakan judul yang sama. Terdapat pelbagai variasi judul yang wujud merujuk kepada karya ini, antaranya *Kitab Adab*, *Bab Adab*, *Nazam Adab*, *Adab al-Muta'allim*, *Pesanan kepada orang yang menuntut ilmu*, *Kelebihan pada orang yang menuntut ilmu* dan juga *manzumah* sahaja (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018). Namun, penting untuk diperhatikan bahawa di sebalik variasi dalam penamaan dan pengkatalogan judul karya ini, hampir semua sepakat untuk mengekalkan perkataan “*adab*” dalam judulnya dan judul yang paling banyak digunakan ialah *Bab al-Adab*. Oleh itu, untuk tujuan penyeragaman, judul *Bab al-Adab* dipilih disebabkan ia termaktub dalam sebahagian besar naskhah yang ditemui.

Dari aspek kepengarangan manuskrip ini pula, tidak dapat dipastikan identiti sebenar pengarangnya. Dalam bait ketiga nazam ini, dinyatakan seperti berikut:

وَبَعْدُ فَقَالَ عَبْدُهُ الْمُوَأَفِقُ      مُنْتَجِبٌ وَالِدُهُ الْمُوَأَفِقُ

Adapun kemudian dari itu, maka telah berkata hamba Allah yang beroleh tolong ia daripada-Nya iaitulah Muntajib namanya. Bermula bapanya itu beroleh tolong jua ia daripada Tuhannya (MSS2906A: f.1r.).

Daripada pernyataan ini dapat difahami bahawa pengarang nazam ini ialah seseorang yang bernama Muntajib. Di sini timbul kekeliruan mengenai identitinya sama ada nama yang dinyatakan ini adalah nama sebenarnya ataupun nama samaran sahaja. Ini kerana, perkataan Muntajib adalah satu bentuk kata nama yang tidak semestinya digunakan sebagai kata nama khas, sebaliknya juga merujuk kepada pelaku sesuatu perkara secara amnya.

Walaupun terdapat pelbagai versi manuskrip yang merupakan variasi kepada *Bab al-Adab*, penulisan ini khasnya terfokus kepada naskhah MSS2906(A) koleksi PNM. Hal ini disebabkan berbanding naskhah-naskhah lain, naskhah ini mempamerkan beberapa ciri yang unik dan penting antaranya: ketekalan teks, kualiti ortografi Arab dan Jawi yang baik, usianya yang relatif awal berbanding naskhah lain, statusnya yang lengkap, dan penyusunan yang kemas serta terjemahan nazam dalam bahasa Melayu yang paling ekstensif seakan-akan ulasan (syarah) ringkas. Dari aspek fizikalnya, naskhah MSS2906 umumnya terdiri daripada 20 kuras berjahit namun tidak berkulit jilid dengan ketebalan 226+4 folio yang bersaiz 22.3 cm x 16.4 cm. Ia ditulis atas kertas laid Eropah yang berwarna putih kekuningan, berlubang-lubang kecil di kesemua halaman tanpa menjejaskan teks dan masih lagi dalam keadaan baik. Tera air yang terdapat pada kertas ini ialah tiga bulan sabit sederet dengan saiznya mengecil (*trelune*) dengan tanda kecil (*countermark*) VG dan PG. Folio 1r agak kotor, lusuh dan berwarna kuning gelap disebabkan terdedah kepada asap, kotoran, air dan penggunaan yang kerap selain ketiadaan kulit jilid, namun tulisannya masih jelas dan boleh dibaca. Bilangan baris setiap folio ialah antara 15 dan 16 baris dan tulisan kemas dan konsisten.

Dakwat tulisan pula berwarna hitam dengan rubrikasi pada perkataan Melayu tertentu dan ayat berbahasa Arab. Tanda penyuaaran ayat bahasa Arab ada diberikan dan penggunaan kata penarik adalah konsisten dalam manuskrip ini. Tiada tanda kolasi yang dapat diperhatikan dalam manuskrip ini. Secara amnya, hampir kesemua jidar lembarannya tidak mempunyai glos dan catatan sampingan. MSS2906 ini terdiri daripada tiga teks utama, *Bab al-Adab* merupakan teks yang paling awal iaitu [ff.1r-6r], kedua *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah*, [ff.7v-93r] dan *Nihāyah al-Tadrīb* [ff.95v-226r] (PNM, 2003: 25-26).

Berdasarkan analisis tera air dan tanda kecil kertas yang dijumpai pada teks ini mengunjurkan bahawa ia disalin antara penghujung abad ke-18 dan awal abad ke-19 Masihi. Ini kerana, kertas *trelune* dengan tulisan PG belum dapat dipastikan usianya. Namun menarik diperhatikan bahawa motif yang sama dengan tulisan PC pula dianggarkan penghasilannya bermula tahun 1785 dan berikutnya (Gori *et al.*, 2014: liii). Sebaliknya, penggunaan motif tersebut bersama dengan tulisan VG pada folio yang lain pula memberikan tempoh masa penghasilan kertas tersebut oleh syarikat Galvani di Itali antara 1760an hingga tahun 1839 (Biddle, 2017). Dengan mengambil kira tempoh pergerakan kertas dari kilang ke pengguna yang merentasi benua ketika itu, adalah wajar untuk menganggarkan tarikh penyalinannya seperti yang telah dinyatakan di atas.

Manakala dari aspek kandungan secara umum, karya ini terdiri daripada sekurang-kurangnya 36 bait nazam dalam bahasa Arab yang disertai terjemahan dalam bahasa Melayu. Ini kerana, terdapat sebahagian naskhah karya ini yang menampilkan variasi dan penambahan dan pengurangan. Hal ini juga bukanlah sesuatu yang janggal dalam konteks kepengarangan sastera kreatif Melayu yang sering menyaksikan fungsi penyalin sebagai pengarang secara bersilih ganti (Muhammad, 1997; Ding, 2003; Noriah *et.al*, 2006). Daripada perbincangan yang diketengahkan melalui bait-bait nazam tersebut jelas menunjukkan bahawa karya ini walaupun ringkas dan padat kandungannya, namun agak komprehensif cakupannya. Selain itu, penulis atau penterjemah nazam ini juga melakukan rujukan silang untuk menjelaskan kandungan karya ini di samping memberikan peluang kepada para pembaca untuk meneliti dengan lebih mendalam. Antara kitab yang dirujuk ialah kitab “*Talibah al-Talabah* dan syarahnya”. Oleh yang demikian, beberapa aspek pemikiran pendidikan akan dianalisis pada bahagian berikutnya untuk melihat lebih lanjut aspek ini sebagai salah satu khazanah pemikiran dan keintelektualan Alam Melayu.

### **Pemikiran Pendidikan Alam Melayu dalam Manuskrip *Bab al-Adab***

Sebagaimana yang dijelaskan pada awal bab ini bahawa hadirnya Islam ke Alam Melayu membawa banyak perubahan khususnya aspek peningkatan intelektual masyarakat Melayu melalui institusi pendidikan. Institusi pendidikan tersebut berjaya memainkan peranan yang cemerlang dan melahirkan ramai para sarjana Alam Melayu dalam pelbagai bidang. Hal ini terbukti dengan perkembangan penulisan dan penghasilan manuskrip dalam pelbagai genre ilmu khususnya abad ke-15M hingga 19M (Harun *et.al*, 2002; Siti Hawa, 2010; Mohd Anuar, 2017). Kejayaan sesebuah institusi pendidikan dalam konteks pendidikan Islam bukan hanya merujuk kepada aspek fizikal dan material, bahkan yang lebih penting ialah nilai ilmu dan impaknya kepada masyarakat Alam Melayu (Wan Mohd Nor, 1998, 2019). Hal ini dipengaruhi oleh pemikiran pendidikan yang merencanakan sistem dan perjalanan institusi tersebut. Oleh yang demikian, pada bahagian ini pemikiran pendidikan Alam Melayu akan dianalisis melalui sumbernya yang asal iaitu manuskrip *Bab al-Adab*, naskhah MSS2906(A). Teks yang dirujuk untuk penulisan ini ialah versi teks, transliterasi beranotasi yang telah diterbitkan dalam Jurnal Filologi, jilid 25 (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018). Untuk menjadikan penulisan bab ini lebih terfokus, tiga tema utama yang dibincangkan iaitu tujuan, kaedah dan juga adab dalam pendidikan.

#### **a) Tujuan Pendidikan**

Aspek pertama yang dianalisis dalam karya ini ialah berkenaan tujuan pendidikan. Dalam perbincangan disiplin ilmu pendidikan, aspek tujuan ini merupakan pertama utama dan penting.

Hal ini disebabkan ia memberi pengaruh yang besar kepada pemikiran dan pelaksanaan pendidikan (Tyler, 1949; al-Shaybani, 1975; Mursi, 1982). Merujuk kepada *Bab al-Adab*, tujuan pendidikan ini dinyatakan dengan jelas pada awal nazam lagi, iaitu bermula pada bait yang ke-4. Ini menunjukkan pentingnya aspek tujuan pendidikan dan keperihatinan penulis terhadap isu ini. Perbincangan tentang tujuan pendidikan ini diletakkan pada awal kitab juga merupakan amalan penulisan para sarjana pendidikan Islam sebelum ini sebagai contohnya Imam Abū Ḥanīfah (2016) dan al-Zarnūjī (1986).

Berdasarkan *Bab al-Adab* ini tujuan pendidikan ialah untuk memperolehi ilmu, menatijahkan amal dan juga menyampaikan ilmu tersebut kepada orang lain. Tujuan dan proses pendidikan ini dijelaskan oleh penulis sebagai ilmu yang mempunyai adab (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 146). Apa yang dimaksudkan dengan adab di sini adalah merujuk kepada tujuan sebenar pencarian ilmu itu. Hal ini selaras dengan penjelasan al-Jurjānī (2000) dan juga al-Attas (2015) bahawa adab bermaksud pengetahuan dan pengenalan yang akan mencegah manusia daripada melakukan pelbagai jenis kesilapan dalam bidang yang diceburi berteraskan ilmu yang benar dan tindakan yang berhikmah.

Di samping itu, *Bab al-Adab* juga menyatakan tujuan pendidikan dan perolehan ilmu juga adalah untuk penyucian hati. Dengan ini, aspek niat yang tulus ikhlas dalam belajar menjadi elemen yang penting. Mengenai hal ini, penulis *Bab al-Adab* menyatakan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 146):

فَطَهَّرَ الْقَلْبَ وَصَحَّحَ النِّيَّةَ      وَابْتَعِ بِالْأَسْبَابِ لَا الْأُمْنِيَّةَ

Maka sucikan oleh mu hai orang yang menuntut akan hati mu daripada segala sifat yang kecelaan pada Syarak dan sahihkan oleh mu akan niat mu dan tuntutan oleh mu akan ilmu itu dengan beberapa sebab jua, jangan dengan angan-angan.

Pada bait yang ke-17 pula penulis *Bab al-Adab* menyatakan hal yang hampir sama (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 146):

وَارْغَبْ عَنِ اللَّعَابِ وَالْمَلَاهِي فَالْعِلْمُ لَمْ يَخْصُلْ لِقَلْبِ اللَّاهِي

Dan jauhkan oleh mu hai orang yang menuntut ilmu daripada bermain-main dan perhiasan dari kerana keduanya itu digemarinya oleh syaitan. Maka ilmu itu tiada hasil ia pada hati orang yang lalai. Maka tiap-tiap hati yang lalai itu rumah syaitan.

Selain aspek ini, penulis *Bab al-Adab* juga menjelaskan tujuan pendidikan berkaitan keperluan gabungan antara ilmu dan amal seterusnya ilmu tersebut seharusnya disebarkan kepada masyarakat. Ilmu yang dipelajari hendaklah diamalkan khususnya untuk menunaikan segala kefarduan dengan lebih sempurna serta meningkatkan kualiti amalan. Tujuan pendidikan ini adalah selaras dengan tujuan pendidikan yang dikemukakan oleh para sarjana sebelum ini, khususnya Imam Abū Ḥanīfah (Mohd Anuar, 2010 dan 2013). Mengenai hal ini, penulis menyatakan dalam bait ke-6 dan bait ke-25 (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 146, 150):

وَأَدِّ مَا عَلَيْكَ مَفْرُوضٌ بِلَا إِذْحَالٍ تَقْصَانٍ فَمَا قَبِيلاً

Dan tunaikan oleh mu akan barang yang telah difardukan Allah atas mu dengan tiada memasukkan kekurangan. Maka inilah yang diterimakan.

وَأَنْشُرْ لِمَا تَعَلَّمَهُ وَاعْمَلْ بِهِ فَمَا لِعَاصٍ فَيَضُ فَيَضُ فَضْلَ رَبِّهِ

Dan hamburkan oleh mu akan ilmu yang engkau ketahui akan dia dan amalkan oleh mu dengan dia. Maka tiadalah bagi orang yang 'āṣī itu beroleh limpah kurnia Tuhannya. Dan tersebut dalam hadis: “barang siapa mengamalkan seperti ilmunya, nescaya dikurniai Allah akan dia ilmu dengan tiada lelah payah”. Dan tersebut dalam *Uns al-Muttaqīn*: barang siapa derhaka akan Allah dan rasul-Nya, nescaya tiadalah dikurniai Allah akan dia ilmu.

### b) Kaedah Pendidikan

Aspek kedua yang dianalisis ialah kaedah pendidikan. Penulis *Bab al-Adab* menjelaskan terdapat tiga kaedah utama yang asas dalam proses mendapatkan ilmu. Pertama ialah para pelajar hendaklah fokus dalam mencari ilmu dengan merasakan bahawa ilmu ini merupakan sesuatu yang amat bernilai. Beliau berpesan dengan katanya (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 147):

وَوَقِّرِ الْعِلْمَ وَعَظِّمْ شَأْنَهُ وَاجْتَنِبِ الْفِسْقَ فَذَاكَ شَأْنُهُ

Dan muliakan oleh mu akan ilmu dan kau besarkan hendaknya. Dan jauhkan oleh mu akan pekerjaan yang jadi fasiq engkau itu dengan dia. Maka yang demikian itulah hendaknya.

Manakala pada bait ke-20 dan 21 pula (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 149), beliau turut menjelaskan supaya para pelajar menumpukan perhatian untuk belajar dan tidak terlibat dengan urusan yang boleh menjejaskan pembelajaran dan mengurangkan fokus dalam mencari ilmu. Mengenai hal ini, penulis *Bab al-Adab* menjelaskan:

وَعَطِّلِ الْبُسْتَانَ وَالِدُّكَانَ وَخَلِّ كُلَّ كَائِنٍ مَنْ كَانَ

Dan sia-siakan oleh mu akan eumpoh mu dan akan kedai mu dan sunyikan oleh mu akan segala perkara yang ada ia bagi barang yang sudah ada ia.

وَعَزِّلِ النَّفْسَ عَنِ الْمَصَالِحِ فَالشَّغْلُ لِلطَّلَبِ غَيْرُ الصَّالِحِ

Dan tegahkan oleh mu akan diri mu daripada membaikkannya. Maka bimbang itu tiadalah patut ia bagi orang yang menuntut ilmu.

Selain aspek perhatian dan fokus dalam pembelajaran, penulis *Bab al-Adab* seterusnya menjelaskan kaedah kedua dalam pendidikan ialah para pelajar hendaklah mempunyai kesungguhan dalam menuntut ilmu. Kesungguhan ini merangkumi aspek penyediaan material, kesanggupan membelanjakan harta dan masa, aspek spiritual, semangat dan kesabaran.

Mengenai keperluan membelanjakan harta ini penulis mengemukakan dengan katanya (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 147):

وَاصْرِفْ لَهُ ذَرَاهِمًا وَذَهَبًا      فَمَا سِوَاهُ كُلُّ شَيْءٍ ذَهَبًا

Dan belanjakan oleh mu kerana engkau menuntut itu akan beberapa dirham dan emas. Maka barang yang lain daripada ilmu daripada tiap-tiap suatu itu hilang.

Di samping itu, penulis menegaskan kesungguhan itu sepatutnya lahir daripada dalam diri pelajar yang memahami akan kepentingan dan nilai ilmu serta kesan jika tidak mempunyai ilmu. Dengan ini, penulis *Bab al-Adab* amat menekankan motivasi dalaman (*intrinsic motivation*) sebagai pendorong utama pembelajaran. Beliau menjelaskan bahawa sesuatu kejayaan itu hanya akan dikecapi dengan kesungguhan dan jika tiada kesungguhan itu maka reda lah menjadi seperti keldai. Dengan ini, beliau menyatakan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: ١٤٨):

وَجَدَّ فِي الطَّلَافِ جِدًّا أَنْ يَجِدَ      وَقِيلَ فِي الْمُطَلَبِ مَنْ جَدَّ يَجِدُ

Dan sungguhkan oleh mu pada menuntut ilmu dengan sempurna sungguh, maka bahawa mendapat ia akan dia. Dan kata orang dalam Kitab yang bernama *Muṭlab*: barang siapa bersungguh-sungguh pada suatu, nescaya didaptnyalah akan dia.

وَحُدِّ وَكُنْ مُجْتَهِدًا إِعْمَارًا      وَارْضَ بِالْجُهْلِ وَعِشْ حِمَارًا

Dan ambil oleh mu akan ilmu dan jadikan diri mu bersungguh-sungguh hal keadaan engkau beramai, dan nama oleh mu akan diri mu bebal dan hidup mu seperti keldai.

Aspek kesungguhan ini tidak akan tercapai kecuali disertai dengan kesabaran yang menatijahkan usaha yang berterusan dan kecekalan menghadapi pelbagai cabaran dalam menuntut ilmu. Bagi penulis, kesabaran merupakan kunci yang menjamin kesungguhan dan istiqamah dalam pendidikan. Mengenai hal ini, penulis *Bab al-Adab* menjelaskan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 148, 152):

وَاصْبِرْ عَلَى مِرَاةِ الذَّلِّ وَالْمَمِّ      وَمَا أُصِيبَ مِنْ مَصَائِبِ الزَّمَنِ

Dan sabarkan oleh mu atas pahit kehinaan mu dan atas banyak angan-angan dan atas barang yang sampai akan dikau daripada bahaya pada masa itu. Maka barang siapa tiada sabar ia atas yang demikian itu, nescaya liarlah ilmu daripadanya.

وَطَوَّلِ الصَّبْرَ وَزِدْ إِضْرَامًا      فَهُوَ سَبِيلٌ مَنْ لَشَيْءٍ رَامًا

Dan lanjutkan oleh mu akan sabar mu dan tambah oleh mu akan kesakitan. Maka iaitulah jalan bagi barang siapa yang menghajatkan akan suatu.

وَاصْبِرْ عَلَى الدَّلَّةِ وَالصَّغَارِي وَاطْلُبْ وَلَوْ بِالصِّينِ وَالْبُلْغَارِي

Dan sabarkan oleh mu atas kehinaan dan kecil martabat dan tuntutan oleh mu akan ilmu dan jikalau dalam negeri Cina dan Bulga sekalipun.

Kaedah ketiga dalam pendidikan ialah setelah dipelajari dengan bersungguh-sungguh dan penuh perhatian, ilmu itu perlu dihafaz dan difahami. Agak menarik bahawa penulis *Bab al-Adab* ini amat menekankan aspek kefahaman dalam pembelajaran. Hal ini menolak pendapat bahawa dalam tradisi pendidikan Alam Melayu awal atau institusi pondok hanya aspek hafazan sahaja yang diberi penekanan (Rosnani, 2010). Mengenai hal ini, beliau menjelaskan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 148-149):

وَجَمِّعِ الْفَهْمَ مَعَ الْحِفْظِ فَقَدْ يُحْصِلَ الْعِلْمَ يَهْدَيْنِ فَقَطْ

Dan himpunkan oleh mu akan faham serta hafaz kerana bahawasanya hasillah ilmu itu dengan dua perkara ini jua maka hanyalah.

وَحَقِّقِ الْمَشْكَالَ وَالْمُؤَوَّلَا وَاتَّبِعِ الْأَفْوَاهَ وَالسَّوَادِلَا

Dan tahkikkan oleh mu akan masalah yang musykil dan masalah yang bertakwilkan dan ikut oleh mu akan segala perkataan guru mu dan jangan kau ikut akan suratan.

Seterusnya untuk memperolehi kefahaman dalam ilmu ini para pelajar perlu mempraktikkan beberapa teknik atau formula yang dinyatakan oleh penulis. Antaranya ialah dengan menggunakan teknik penyoalan untuk memastikan kefahaman yang baik seperti dalam bait sebelum ini penulis menggunakan istilah ‘*tahkik*’ yang bermaksud menyiasat dan mendalami pelbagai persoalan sehingga jelas. Di samping itu, dengan menggunakan teknik soalan ini, bukan sahaja dapat memahami ilmu dengan baik malah mampu merungkai masalah yang susah serta menggabung jalin antara permasalahan dengan jawapan (Mohd Anuar, 2014). Penulis *Bab al-Adab* menjelaskan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 150):

وَسَلْ وَذَاكِرْ صَادِرًا أَوْ وَارِدًا وَخُذْ وَقُلْ وَقَيِّدِ الشُّوَارِدَا

Dan tanyai oleh mu orang yang menuntut dan beringat-ingat oleh mu akan orang yang mempunyai ilmu atau orang yang berdatangkan faham dan masalah dan lagi kau tanyai dan kau ingatkan akan masalah yang terbit daripada faham atau masalah yang datang kepada mu dan ambilkan oleh mu dan katakan oleh mu dan kaitkan oleh mu akan segala masalah yang sukar-sukar dan yang liar-liar.

Selain itu, antara teknik lain yang boleh digunakan untuk memperolehi kefahaman ialah dengan menganggap bahawa ilmu yang mula-mula dipelajari itu belum tepat dan memerlukan penelitian mendalam. Hal ini akan mendorong pelajar untuk terus mendalami ilmu dan juga



bersikap tawaduk semasa belajar. Manakala teknik yang terakhir dalam memperolehi kefahaman ialah dengan menjaga diri dan mengelakkan daripada melakukan perkara yang menjejaskan kefahaman dan mendorong lupa. Walaupun penulis tidak menyatakan secara spesifik perkara tersebut namun ia merupakan prinsip asas kepada pelajar dan dalam karya-karya Alam Melayu aspek ini juga dibicarakan dengan lebih terperinci seperti kitab *Tibyān al-Marām*, *Pelita Penuntut*, *Jawharah Mawhūb* dan sebagainya. Mengenai teknik tersebut, penulis *Bab al-Adab* menyatakan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 150):

وَطَّنْ فِيكَ عَادِمَ النَّصَابِ وَإِنْ تَصِرَ كَصَاحِبِ أُوصَابِ

Dan sangkakan akan ilmu yang telah ada pada mu itu ketiadaan betul dan jika jadi engkau seperti orang yang mempunyai beberapa ilmu sekalipun.

وَاحْتِمِ مَا يُفْلِلُ الْفَهْمَ وَمَا يَزِيدُ فِي السَّيِّئَاتِ أَوْ يُبَدِّي عَمَّا

Dan tinggalkan oleh mu akan pekerjaan yang mengurangkan faham dan pekerjaan yang menambah akan lupa mu dan pekerjaan yang membutakan mata hati mu.

### c) Adab Pelajar dalam Pendidikan

Aspek ketiga yang dianalisis ialah berkaitan dengan adab pelajar dalam menuntut ilmu. Aspek ini diberikan perhatian dengan mendalam oleh penulis *Bab al-Adab*. Aspek adab ini yang menjadi citra dan asas dalam pemikiran pendidikan *Bab al-Adab* ini selaras dengan kepentingan adab pelajar dalam tradisi pendidikan Islam (Yaḥyā Hasan, 2003; Gunther, 2005). Sebelum penulis membicarakan adab pelajar dengan lebih lanjut, beliau menjelaskan terlebih dahulu akan kepentingan adab, beliau mengatakan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 146):

يَا طَالِبَ الْعِلْمِ رَفِيعِ الدَّأْبِ تَعَلَّمَ الْعِلْمَ بِذِي الْأَدَبِ

Hai orang yang menuntut ilmu yang amat ketinggian pangkatnya! Tuntut oleh mu akan ilmu itu dengan kau mempunyai adab dari kerana adab itu wajib. Maka barang siapa meninggalkan adab, nescaya tiadalah hasil maksudnya seperti sabda Nabi SAW: *man la adab lahu la 'ilm lahu* ertinya: “barang siapa tiada adab baginya nescaya tiadalah ilmu baginya”.

Mengenai adab ini penulis *Bab al-Adab* menggariskan dua domain utama, iaitu adab terhadap diri dan Allah dan kedua adab terhadap guru. Kedua-dua adab ini difokuskan oleh penulis, manakala adab terhadap ibubapa dan sahabat pula ia hanya disebut dalam satu bait sahaja. Untuk domain yang pertama, beliau menjelaskan para pelajar perlu menjauhi angan-angan, mengekang hawa nafsu dan sifat buruk yang lain seperti banyak berkata-kata, sombong, suka membantah dan berdebat dengan cara yang salah. Sebaliknya beliau menyarankan pelajar menghiasi diri mereka dengan sifat terpuji seperti qana'ah, merendah diri dan tidak bersikap tamak akan harta dan pangkat. Mengenai semua ini, beliau mengatakan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 148):

وَشَرِّدِ الْمَنِيَّةَ وَاسْتَعْصِ الْهُوَى  
فَمَنْ يَصِرْ تَابِعَهَا فَقَدْ هَوَى

Dan tinggalkan oleh mu akan angan-angan, dan tinggalkan olehmu akan hawa nafsumu. Maka barang siapa jadi ia mengikut hawa nafsu mu maka sanya binasalah ia.

Pada bait seterusnya, beliau juga menyatakan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 148,149,151,152):

وَبَاعِدِ الصَّدْرَ وَدَارَ الْقَائِلِي  
وَسُدَّ بَابًا كَثْرَةَ الْمَقَالِي

Dan jauhkan oleh mu akan jadi mu penghulu orang dan tutupkan oleh mu akan pintu banyak kata-kata yang tiada memberi manfaat. Maka barang siapa membanyakkan perkataan yang sia-sia, nescaya dijatuhkan Allah Taala akan dia dalam kebinasaan. Demikianlah tersebut dalam ayat Quran dan hadis Rasul Allah. Dan tersebut dalam *Talibah al-Talabah*: maka apabila kau lihat akan seorang itu membanyakkan perkataan, nescaya kau yakinkanlah akan gilanya.

وَارْغَبْ عَنِ اللَّعَابِ وَالْمَلَاهِي  
فَالْعِلْمُ مِمَّا يَحْصُلُ لِقَلْبِ الْأَهْي

Dan jauhkan oleh mu hai orang yang menuntut ilmu daripada bermain-main dan perhiasan dari kerana keduanya itu digemarinya oleh syaitan. Maka ilmu itu tiada hasil ia pada hati orang yang lalai. Maka tiap-tiap hati yang lalai itu rumah syaitan.

وَأَفْرَغْ لِحِمَعِ الدُّرِّ وَالْيَاقُوتِ  
وَأَفْنَعْ بِمَلْبُوسٍ وَأَذَى قُوتِ

Dan pada-kan oleh mu dengan sekurang-kurang pakaian mu dan sekurang-kurang makanan. Dan selesaikan oleh mu bagi kamu himpункan mutiara dan manikam. Maka adalah tuntutan ilmu serta menuntutkan harta itu tiada hasil ia.

وَأَسْتَفْتِهِ وَإِنْ يَكُنْ بَقَالًا  
وَأَنْظُرْ إِلَى الْمَقَالِ لَا مَنْ قَالًا

Dan minta fatwa oleh mu akan fatwa dan jika ada ia orang yang menjual gulai sekalipun dan tilik oleh mu akan kata yang dikata dan jangan kau tilik kepada orang yang mengata ia.

وَإِخْذِرْ عَنِ الْمِرَاءِ وَالْعِنَادِي  
مَعَ كُلِّ وَاحِدٍ بِكُلِّ نَادِي

Dan pelihara oleh mu akan diri mu daripada [syak] dan bantahan serta tiap-tiap seorang pada tiap-tiap majlis.

Selain itu, penulis *Bab al-Adab* juga banyak menjelaskan adab terhadap guru. Aspek ini menjadi perhatian yang serius oleh penulis. Beliau menjelaskan hal ini sama ada dalam bait secara khusus dan juga dalam huraian lanjut. Beliau kelihatan membuat petikan dalam beberapa

karya yang berwibawa sebagai rujukan dan semakan lanjut kepada para pembaca. Pada awal *Bab al-Adab* lagi, penulis menyatakan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 147):

Syahadan. Adalah adab guru itu amat banyak. Setengah daripadanya bahawa jangan kau menyalah bicara mu dengan bicaranya. Dan jangan kau mulai perkataan di hadapannya. Dan jangan kau duduk pada tempatnya melainkan dengan izinnya. Dan jangan kau bersandar di hadapannya. Dan jangan kau berbanyak-banyak perkataan di hadapannya. Dan jangan ringan hati mu akan guru mu. Dan jangan kau bantah segala perkataannya dan perbuatannya. Maka yang demikian itulah bahaya yang amat besar. Dan jangan kau membelakang dia tatkala engkau berdiri di hadapannya. Dan jangan kau tertawa-tawa di hadapannya. Dan apabila kau hendak mengetahui akan segala bagai adab, maka hendaklah kau tanyai pada orang yang membaca kitab yang bernama *Mudraj al-Sālikīn*.

Di samping beberapa adab terhadap guru di atas, penulis *Bab al-Adab* turut menegaskan lagi bahawa para pelajar perlu menghormati guru dan berkhidmat kepada mereka. Hal ini disebabkan dalam tradisi pendidikan Islam, guru memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan akademik dan spiritual pelajar. Para sarjana pendidikan Islam sering kali membandingkan peranan, jasa dan keperluan kepada guru seumpama peranan dan jasa kedua ibubapa, bahkan guru lah merupakan ibubapa akademik dan spiritual kepada pelajar. Hal ini selaras dengan sabda Nabi SAW bahawa sesungguhnya pergaulan dan hubungan antara guru-pelajar itu seumpama ibubapa dengan anak-anak (Abū Dāwūd, 2000, Hadith no. 8). Hubungan ini juga seterusnya dijelaskan oleh sarjana Islam seperti al-Ghazālī (2011) dan Ibn al-Jawzī (1992) dalam karya mereka masing-masing. Dengan ini, mereka sepatutnya dihormati dan hal dibuktikan dengan khidmat pelajar kepada mereka. Mengenai hal ini, penulis *Bab al-Adab* mengatakan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 150):

وَأَكْرَمَ الْأُسْتَاذَ ذِي الْإِزْشَادِي هُوَ خَيْرُ أَبَا لِكُلِّ شَادِي

Dan dipermuliakan oleh mu akan guru mu yang menunjuk dikau kepada yang betul; iaitulah sebaik-baik bapa mu daripada segala bapa yang mengasih ia akan dia. Dan tersebut dalam *Talibah al-Talabah* dan syarahnya: *wa min tawqīr al-shaykh an yuwaqqira awlādahu wa man yata‘allaqu bihī* ertinya: “dan setengah daripada memuliakan syeikh itu bahawa dimuliakan oleh murid itu anaknya dan barang siapa ia dengan dia daripada keluarganya dan taulannya dan tilmidhnya dan khadamnya”. Dan lagi pula wajib atas murid itu bahawa minta doa ia bagi gurunya pada masa hidupnya dan memelihara ia akan zuriatnya dan akan segala keluarganya pada masa matinya dan bersungguh-sungguh ia akan mengunjungkan kuburnya dan minta ampun baginya dan memberi sedekahkan daripadanya. Dan tersebut dalam *Mudraj al-Sālikīn* demikian bunyinya: dan seyogialah bagi murid itu bahawa janganlah menetap ia akan tilik kepada muka gurunya kerana yang demikian itu menghilangkan tali malu dan

terkadang hasillah baginya gugur *haibah* gurunya daripada sebab banyak memandangkan dia, maka yang demikian itu hilanglah berkat.

فَاخْدُمْ لَهُ فَإِلْفَيْبَاسُ رِقِّ      وَإِنْ تَكُنْ كَالنَّزْرِ الْوَرِقِّ

Maka berbuat khidmat oleh mu akan guru mu. Maka yang memakai khidmat itu seumpama hamba jua dan jika ada engkau seperti perak yang sudah tersepuh sekalipun.

Secara umumnya, analisis di atas menjelaskan beberapa aspek pemikiran pendidikan yang wujud dalam karya pendidikan Islam di Alam Melayu. Walaupun nazam *Bab al-Adab* ini hanya ditulis dengan ringkas, namun ia agak komprehensif dan padat. Aspek asas pendidikan disentuh dalam penjelasan mengenai tujuan pendidikan yang menjadi panduan kepada pelaksanaan dan penilaian pendidikan Islam Alam Melayu. Aspek kaedah pendidikan juga tidak dikesampingkan, malah ia dikemukakan dengan baik merangkumi keperluan kepada kesungguhan, fokus dan penggabungan antara hafazan dan kefahaman. Perbincangan juga dilengkapi dengan penjelasan tentang adab dalam pendidikan yang menjadi intisari kepada keberhasilan pendidikan Alam Melayu. Dua domain utama yang diberi perhatian iaitu aspek adab terhadap Allah dan juga adab terhadap guru. Dengan memenuhi kedua-dua tuntutan adab ini tujuan pendidikan yang disasarkan oleh sistem pendidikan Islam diharapkan mampu dicapai oleh para pelajar.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan penulisan di atas boleh disimpulkan di sini bahawa *Bab al-Adab* merupakan antara karya penting pendidikan Islam Alam Melayu. Perbincangan yang diutarakan adalah ringkas dan padat, namun memadai sebagai karya asas pendidikan Islam. Ia boleh dikategorikan teks awalan kepada pelajar yang baru memulakan pengajian mereka mengenai perkara asas termasuk tujuan dan kaedah pendidikan serta adab yang perlu dilazimi dalam pembelajaran. Strukturnya yang ringkas dan padat selain persembahan teksnya dalam bentuk nazam berirama lebih mudah dihafal dan difahami oleh sesiapa sahaja tanpa mengira usia dan latar belakang pendidikan mereka. Setelah mereka menguasai dan memahaminya dengan baik, barulah para pelajar disarankan merujuk kepada karya-karya yang lebih ekstensif sebagai teks lanjutan dalam bidang pendidikan. Antaranya yang disebut dalam karya ini ialah *Talibah al-Talabah*, syarahannya iaitu *Tibyān al-Marām* dan juga *Mudraj al-Sālikīn*.

Beberapa aspek pemikiran pendidikan yang dikemukakan dalam *Bab al-Adab* ini juga agak menarik dan komprehensif. Ia selaras dengan tradisi pendidikan Islam yang dikemukakan oleh para penulis dan sarjana terdahulu khasnya Imam Abū Ḥanīfah, al-Ghazālī, al-Zarnūjī, Ibn al-Jawzī dan juga Ibn Jamā'ah. Hal ini menjelaskan bahawa pemikiran pendidikan Alam Melayu ini berteraskan sumber pemikiran pendidikan yang tepat daripada karya-karya agung terdahulu di samping beberapa kreativiti penulis tempatan. Hal ini menjamin pendidikan Islam Alam Melayu dahulu mampu melahirkan sarjana Islam terkemuka dan mampu membangunkan tamadun Melayu yang disegani.

### **Penghargaan**

Bab ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan penulis di bawah peruntukan Geran Penyelidikan USIM 2018 (PPPI/FPQS/0118/051000/14818). Penulis merakamkan ribuan terima kasih atas inisiatif USIM yang membiayai kajian ini.

## Rujukan

- Abū Dāwūd, Sulaymān bin Ash'ath. (2000). "Sunan Abī Dāwūd ", dalam Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz, Riyad: Dār al-Salām.
- Abū Ḥanīfah. (2016). "*Kitab al-'Alim wa al-Muta'allim*", dalam Mohd Anuar Mamat, *Pemikiran Pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: Kitab al-'Alim wa al-Muta'allim*. Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM.
- 'Ali bin 'Abd al-Rahman al-Kelantani. (t.t.). *al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb*. Pulau Pinang: al-Mu'arif, t.t.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2011). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2015). *Himpunan Risalah*. Kuala Lumpur: IBFIM & CASIS.
- al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥamad. (2011). *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- al-Jurjānī, 'Alī bin Muḥammad bin 'Alī. (2000). *al-Ta'rifāt*, ed. Muḥammad Bāsal 'Uyūn al-Sawd. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zarnūjī, Burhān al-Dīn. (1986). *Ta'lim al-Muta'allim Ṭarīq al-Ta'allum*. Muṣṭafā 'Ashūr (ed.). Bulaq: Kaherah.
- Anonim. *Bab al-Adab*. (MSS2906A). Kuala Lumpur: PNM.
- Anonim. *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah*. (MSS2906B). Kuala Lumpur: PNM.
- Biddle, Michaelle. (2017). "New Strategies in Using Watermarks to date Sub-Saharan Islamic Manuscripts", dalam *The Arts and Crafts of Literacy: Islamic Manuscript Cultures in Sub-Saharan*. Andrea Brigaglia & Mauro Nobili. Berlin: de Gruyter, 27-68.
- Deroche, Francois, *et.al.* (2006). *Islamic Codicology: An Introduction to the Study of Manuscripts in Arabic Script*. London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation.
- Ding Choo Ming. (2003). *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2003.
- Gori, Alessandro, Regourd, A., Brown, J.R. & Delamarter, S. (2014). *A Handlist of the Manuscripts in the Institute of Ethiopian Studies Volume Two: The Arabic Materials of the Ethiopian Islamic Tradition*. Oregon: Pickwick Publications.
- Gunther, Sebastian. (2005). *Ideas, Images, and the Methods of Portrayal: Insights into Classical Arabic Literature and Islam*. Leiden: Brill.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Ab. Rahman Kaeh dan Jamilah Ahmad. (2002). *Traditional Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn la-Jawzī. (1992). *Laffat al-Kabad fi Naṣīhat al-Walad*, ed. Ashraf bin 'Abd al-Maqṣūd. Isma'iliyyah: Maktabah al-Imām al-Bukhārī.
- Islamic Arts Museum Malaysia (IAMM). (2010). *Handlist of Malay Manuscripts in the Islamic Arts Museum Malaysia: JAKIM Collection*. Kuala Lumpur: IAMM.
- M.Mustaqim Mohd Zarif & Mohd Anuar Mamat. (2018). "*Bab al-Adab* (MSS2906A): Analisis dan Transliterasi Beranotasi Sebuah Nazam Mengenai Adab Belajar", *Jurnal Filologi Melayu*, 25, 132-152.
- M.Mustaqim Mohd Zarif. (2016). "Peranan Ulama dalam Pembangunan Keintelektualan Melayu: Perspektif Sosio-Sejarah", kertas kerja *Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa: Menyingkap Perjuangan Bangsa*. Shah Alam: UiTM, 8-10 Nov. 2016.
- Mohd Anuar Mamat. (2013). "Meningkatkan Kualiti Amalan sebagai Tujuan Pendidikan Abū Ḥanīfah: Suatu Analisis Perbandingan", *Jurnal Usuluddin* 37, 1-32.

- Mohd Anuar Mamat. (2014). "Teknik Soal-Jawab dalam Pengajaran Imam Abū Ḥanīfah (m.150H/767M): Suatu Analisis terhadap *Kitab al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*", *O-jIE*, isu khas, 1-12.
- Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2014). "Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah: Kajian terhadap *Waṣiyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*", *TAFHIM* 7, 97-130.
- Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2016). "Adab Ilmuwan Menurut Imam Abū Ḥanīfah (m.150H): Suntingan Ilmiah, Terjemahan dan Analisis *Waṣiyyah Abī Ḥanīfah Li Tilmīdhihi Yūsuf Al-Samtī*", *AFKAR* 18, Isu 2, , 43-102.
- Mohd Anuar Mamat, Wan Suhaimi Wan Abdullah & Muhammad Basthami Abdullah. (2015). "*Waṣiyyah Abī Ḥanīfah li Ibnihi Ḥammād*: Suatu Suntingan Ilmiah dan Terjemahan", *Jurnal Usuluddin* 41, 95-123.
- Mohd Anuar Mamat. (2017). "Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia", *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15: 66-88.
- Muhammad Haji Salleh. (1997). "Memperbaharui Pengarang", dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 183-210.
- Muhammad Syafie bin Abdullah Rangkul Langgih. (t.t.). *Pelita Penuntut*. Pulau Pinang: Almuarif.
- Noriah Mohamed & Yusmilawati Yunos. (2006). "Perlambangan dalam Teks Campur Bawur", *Jurnal Filologi Melayu*, 14, 129-156.
- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). (2003). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia Tambahan Ketiga*. Kuala Lumpur: PNM.
- Richard Winstedt. (1996). *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Malay Branch of the Royal Asiatic Society.
- Rosnani Hashim. (2010). *Reclaiming the Conversation: Islamic Intellectual Tradition in the Malay Archipelago*, Kuala Lumpur: The Other Press.
- Siti Hawa Salleh. (2010). *Malay Literature of the 19th Century*, terj. Quest Service. Kuala Lumpur, ITNM, 2010.
- Vladimir Braginsky. (2004). *The Heritage of Traditional Malay Literature*. Leiden: KITLV Press.
- Wan Ali Haji Wan Mamat. (2014). *An Introduction to Malay Manuscripts*. Selangor: IIUM Press.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1998). *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2019). *Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini*. Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM.
- Yaḥyā Ḥasan ‘Alī Murād. (2003). *Ādāb al-‘Ālim wa al-Muta‘allim ‘inda al-Mufakkirīn al-Muslimīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.